

22/08/2003

Ubah gaya hidup setanding pembangunan: PM

JOHOR BAHRU: Rakyat Malaysia perlu mengubah gaya hidup yang menggambarkan ketamadunan tinggi setanding tahap pembangunan dan kemudahan canggih di negara ini sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika rakyat enggan mengubah cara hidup, mereka akan terus menjadi pengguna kelas tiga walaupun dibekalkan dengan kemudahan bertaraf kelas satu.

"Kita perlu ubah gaya hidup kerana cara lama kita dalam menggunakan kemudahan adalah tidak cekap. Tidak ada gunanya mempunyai kemudahan canggih tetapi kita tidak pandai menggunakannya. Ramai pelancong menegur cara kita guna kemudahan tertentu.

"Tidak guna jika ada kemudahan kelas pertama tetapi pengguna tetap pada kelas tiga. Ia tidak memberikan gambaran yang baik kepada pelancong," katanya ketika merasmikan upacara pecah tanah Festive Street Mall, Danga Bay di sini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Exco kerajaan negeri dan Pengarah Danga Bay Sdn Berhad, Kamarul Ariffin Sulaiman.

Projek itu adalah antara komponen utama pembangunan bersepadu Danga Bay, projek penswastaaan Kerajaan Johor yang dikendalikan Danga Bay Sdn Bhd dan diuruskan Limbongan Ekovest Management Sdn Bhd.

Pembinaan mercu tanda Festive Street Mall yang dijadualkan siap pada 2006, akan menjadi pembuka tirai untuk pelancaran projek lain di Danga Bay yang menjadi jolokan Bandaraya Wawasan Selatan.

Projek di muara tiga sungai iaitu Sungai Skudai, Sungai Danga dan Sungai Melayu itu, antara lain mempunyai rangkaian restoran, pusat beli-belah dan rekreasi, pejabat, apartmen dan pusat konvensyen.

Danga Bay adalah projek mega berharga RM15 bilion yang akan dibangunkan secara berperingkat selama 15 tahun di tapak seluas 652 hektar.

Bersesuaian dengan lokasinya di pesisiran pantai, Danga Bay turut merancang membina marina yang lengkap dengan perkhidmatan feri atau superfoil dari Johor Bahru ke Batam dan Phuket.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu sedar mereka kini hidup pada zaman berlainan daripada zaman negara mencapai kemerdekaan yang menuntut cara hidup berbeza daripada dulu.

"Kita di Malaysia ingin dikenali sebagai satu bangsa bertamadun, justeru kita perlu ingat bahawa kita sekarang berada pada zaman yang berlainan dari zaman kita mencapai kemerdekaan.

"Pada zaman ini, cara hidup agak berbeza dari dulu. Justeru amat penting kita tukar cara hidup kita sesuai dengan taraf pembangunan di negara kita ini," katanya.